

# **KEMAHIRAN MENULIS DALAM BAHASA ARAB MENERUSI AKTIVITI 'JAWLAH LUGHAWIYYAH'**

**Mohd Firdaus Yahaya<sup>1</sup>**

**Mohd Shahrizal Nasir<sup>2</sup>**

**Wan Abdul Hayyi Wan Omar<sup>3</sup>**

**Zulazhan Ab. Halim<sup>4</sup>**

**Essmat Nasr Sweedan<sup>5</sup>**

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>1</sup>mohdfirdaus@unisza.edu.my

<sup>2</sup>mohdshahrizal@unisza.edu.my

<sup>3</sup>wahayyi@unisza.edu.my

<sup>4</sup>zulazhan@unisza.edu.my

<sup>5</sup>essweedan@unisza.edu.my

## **Abstrak**

Kemahiran menulis merupakan salah satu daripada empat kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai dalam proses pembelajaran bahasa. Selain aktiviti P&P di dalam kelas, aktiviti bahasa di luar kelas yang dijalankan secara berstruktur mampu memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan panca indera insan dalam situasi tertentu di luar ruang kelas memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dalam proses pemerolehan perbendaharaan kata. Dengan perbendaharaan kata yang mencukupi, ia dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa terutama kemahiran menulis. Artikel ini bertujuan memperkenalkan satu medium alternatif yang melibatkan aktiviti pembelajaran di luar kelas yang diberi nama "Jawlah Lughawiyyah". Bagi mengenal pasti tahap kemahiran menulis pelajar melalui aktiviti ini, satu kajian telah dijalankan melibatkan 15 pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu. Proses pengumpulan data melalui ujian pra dan ujian pasca telah dijalankan terhadap sampel yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pada tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis. Justeru, kajian ini mencadangkan agar aktiviti Jawlah Lughawiyyah dipraktikkan dalam proses P&P bahasa Arab khususnya melibatkan pelajar daripada kalangan bukan penutur jati.

**Kata Kunci:** Jawlah Lughawiyyah, kemahiran menulis, pendidikan bahasa Arab, pengajaran bahasa asing, aktiviti bahasa

## **ARABIC WRITING SKILLS THROUGH “JAWLAH LUGHAWIYYAH” ACTIVITY**

### **Abstract**

*Writing is one of four major skills in language acquisition, which is acquired when learning a language. Besides teaching and learning in the classroom, well-organised language activities outside the classroom will motivate the learner in the process of language learning. Establishing a learning atmosphere which involves the senses in certain situations outside the classroom will benefit the language learner, especially in acquiring language vocabulary. Sufficient vocabulary will then help the language learner to develop competency in language, primarily in their writing skills. The main purpose of this article is to introduce an outside classroom activity named as “Jawlah Lughawiyyah”. A study has been carried out to investigate the writing skill competency of language learners through this activity. The samples were among 15 secondary school students in Form Four at Khairiah Religious Secondary School, Kuala Terengganu. The collection of data was made at the pre-test and post-test level. The results showed that the learners in this study had improved their writing skills. Therefore, this article suggests that Jawlah Lughawiyyah should be implemented in teaching and learning the Arabic language, specifically to non-native speakers.*

**Keywords:** *Jawlah Lughawiyyah, writing skill, Arabic language, foreign language teaching, language activity*

### **Pendahuluan**

Kepelbagaiannya bahasa di dunia yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi merupakan antara bukti kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud, “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan” (Surah al-Rum, 30, m.s. 22).

Penguasaan seseorang individu terhadap bahasa asing memberi nilai tambah dalam dirinya. Justeru, pelbagai pihak berusaha menawarkan pembelajaran bahasa asing sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi maupun pertubuhan atau persatuan yang mempunyai kaitan dengan bidang bahasa. Sebagai contoh, pengenalan program j-QAF (Jawi, Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) kepada para pelajar sekolah rendah di Malaysia merupakan antara contoh usaha memberi nilai tambah kepada pelajar melibatkan penguasaan bahasa Arab. Menurut Jasmi Amin (2002), bahasa Arab sebagai salah satu model program j-QAF merupakan bahasa asing di Malaysia. Justeru, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah merupakan salah satu usaha besar bagi meningkatkan mutu pendidikan negara dan melahirkan insan yang memiliki nilai tambah dalam diri melibatkan penguasaan bahasa asing selain daripada penguasaan terhadap bahasa ibunda.

Tanpa melihat tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu sama ada pada peringkat rendah maupun peringkat tinggi, proses pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar daripada kalangan bukan penutur jati seperti pelajar Melayu di Malaysia yang melibatkan aktiviti di luar bilik darjah mampu memberi kesan positif dalam peningkatan pemerolehan bahasa. Aktiviti bahasa di luar bilik darjah yang dijalankan secara berstruktur dengan mementingkan aspek pemerolehan kemahiran berbahasa mampu memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan panca indera insan dalam situasi tertentu di luar ruang bilik darjah memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dalam proses pemerolehan perbendaharaan kata. Dengan perbendaharaan kata yang mencukupi, ia dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa terutama kemahiran menulis.

Oleh itu, satu medium alternatif yang melibatkan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah perlu diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. "Jawlah Lughawiyyah" merupakan salah satu medium alternatif yang boleh dilaksanakan kepada para pelajar sebagai salah satu aktiviti cadangan bagi pembelajaran di luar bilik darjah. Aktiviti ini lebih memberi fokus kepada para pelajar yang terdiri daripada kalangan bukan penutur jati bahasa Arab.

Kertas kerja ini dihasilkan melibatkan penyelidikan berkenaan program *Jawlah Lughawiyyah*. Kajian ini dijalankan dengan objektif sepertimana berikut:

- 1) Memperkenalkan program *Jawlah Lughawiyyah* kepada para pelajar yang mempelajari bahasa Arab pada peringkat menengah.
- 2) Mengenal pasti tahap kemahiran menulis para pelajar yang mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah*.

### Sorotan Literatur

Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu; kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini dipelajari secara beransur-ansur dari yang paling asas dan mudah kepada yang kemahiran yang kompleks. Kemahiran mendengar adalah merupakan kemahiran asas pertama yang dipelajari oleh kanak-kanak pada peringkat awal (Ali Al-Madkur, 1991), malah ia menjadi kemahiran yang utama sebelum menguasai kemahiran-kemahiran yang lain (Hyslop & Tone, 1988).

Namun begitu, kemahiran lain seperti kemahiran menulis juga merupakan antara kemahiran yang perlu diberi penekanan yang serius dalam proses pembelajaran bahasa. Malah, salah satu cara komunikasi adalah melalui penulisan. Seseorang individu mampu mengungkap dan menzahirkan buah fikirannya, menceritakan peristiwa serta meluahkan perasaan melalui penulisan.

Menulis merupakan proses penghasilan simbol-simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan-perkataan dan seterusnya menjadi ayat (Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat, 2013). Ayat-ayat yang disusun itu adakalanya panjang dan adakalanya pendek berdasarkan beberapa urutan yang bermakna yang membentuk teks, nota, draf dan

bahan-bahan bercetak (Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997). Hal ini bermakna proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis amat mencabar kerana ia melibatkan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran membaca. Pemerolehan kosa kata yang mencukupi turut mempengaruhi proses penguasaan kemahiran menulis.

Selain itu, pengajaran melibatkan kemahiran menulis juga hendaklah melibatkan kemampuan mengungkap iaitu memilih perkataan yang betul dan menyusun mengikut susunan yang betul bagi menggambarkan makna yang diungkapkan (Hassan Shahatah, 1993). Oleh itu, Yah Awang Nik, Badariah Sani, Muhamad Noor Wan Chik, Kamaruzaman Jusoff dan Hasif Rafidee Hasbollah (2010) dalam kajian mereka mendapati bahawa pendedahan yang mencukupi amat membantu bagi meningkatkan kemahiran menulis pelajar kepada tahap yang memuaskan. Pendedahan yang berterusan perlu diberikan kepada pelajar kerana kemahiran menulis merupakan satu proses yang kompleks dan ia perlu dilaksanakan dengan menjalani proses dan tahap secara sistematik (Roselan Baki, 2003).


Dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar bukan penutur jati, beberapa langkah penambahbaikan perlu diperkenalkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa. Lebih-lebih lagi dalam konteks penguasaan kemahiran menulis yang seperti sedia dimaklumi bahawa ia merupakan satu proses yang kompleks. Tambahan pula, sikap pelajar selalunya terbentuk daripada persepsi mereka terhadap sesuatu perkara. Menurut Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah M. Shah (2010), terhadap bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa seperti menarik, sedap didengar, mudah dipelajari dan sebagainya. Sebenarnya terdapat banyak faktor yang boleh dijadikan rujukan tentang sikap seseorang terhadap pembelajaran bahasa antaranya seperti minat, kesungguhan, pencapaian dan dorongan (Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, & Azman Che Mat, 2013).

Kajian Hisham Khuddaj (2007) menyatakan bahawa pembelajaran yang melibatkan aktiviti di luar bilik darjah mampu memberi kesan positif dalam peningkatan pemerolehan bahasa. Aktiviti bahasa di luar bilik darjah yang dijalankan secara santai, namun mementingkan aspek pemerolehan kemahiran berbahasa mampu memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Hasil kajian membuktikan bahawa aktiviti bahasa yang dijalankan di luar ruang bilik darjah memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dalam pemerolehan kemahiran menulis. Hal ini kerana pelajar dikehendaki untuk membuat laporan pada akhir sesi pembelajaran sebagai hasil daripada aktiviti luar bilik darjah yang telah dijalankan.

Kajian ini menjadi asas kepada pengaplikasian program *Jawlah Lughawiyyah* terhadap peningkatan tahap kemahiran bahasa Arab bagi para pelajar bukan penutur jati. Elemen yang dimanfaatkan dalam program ini telah menjadi kajian beberapa pihak dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab di Malaysia. Menurut Ashinida Aladdin (2012), situasi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia hanya tertumpu kepada aktiviti di dalam bilik darjah, dan amat jarang sekali aktiviti luar bilik darjah dijalankan kepada para pelajar. Keadaan ini membuatkan para pelajar tidak dapat mempraktikkan apa yang telah mereka

pelajari di dalam kelas dalam aktiviti harian mereka di luar kelas selepas sesi pembelajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat dan Mat Taib Pa (2012) yang menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar memberi ruang yang luas kepada mereka untuk meneroka kemahiran bahasa. Mohd Feham Ghalib dan Mohd Firdaus Yahaya (2011) mencadangkan supaya cara pengajaran tradisional yang berpusatkan guru semata-mata perlu diberi nafas baru. Pendekatan yang dicadangkan dan perlu diterapkan pada masa kini adalah pendekatan yang lebih memfokuskan kepada pelajar. Peranan pelajar perlu diubah daripada hanya menjadi penerima maklumat kepada menjadi peneroka dalam pelbagai bidang maklumat. Dalam masa yang sama, para guru berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator dalam pengendalian sesi pengajaran dan pembelajaran seperti yang diterangkan dalam rajah 1. Perkara ini turut disokong oleh Esah Sulaiman (2003) dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzillah Abd. Rahman (2011) yang mencadangkan pendekatan pengajaran yang sama.



Rajah 1. Perubahan peranan guru

Selain itu, penggabungan beberapa teknik dan strategi dilihat turut membawa impak positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat membina kefahaman pelajar terhadap pelajaran serta dapat memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, sistematik, menarik dan menyeronokkan pelajar, seterusnya memudahkan pelajar memahami kandungan pelajaran. Perkara ini dijelaskan dalam kajian Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman (2011) yang menyatakan bahawa penggabungan beberapa teknik dalam pengajaran dapat memberi kesan positif dalam pengajaran bahasa Arab.


Berdasarkan sorotan beberapa kajian lepas berkenaan kemahiran menulis dan aktiviti luar kelas yang berpusatkan pelajar, dapat dirumuskan bahawa pemanfaatan program pembelajaran yang berasaskan penggabungan beberapa kaedah dan teknik pembelajaran perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kemahiran bahasa Arab sebagai bahasa asing terutamanya kemahiran menulis. Program *Jawlah Lughawiyyah* yang menerapkan gabungan beberapa teknik

pembelajaran bahasa perlu diuji bagi menentukan keberkesanannya dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya melibatkan kemahiran menulis.

### **Metodologi Kajian**

Kajian yang dilaksanakan berbentuk kajian lapangan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu melibatkan seramai 15 orang pelajar daripada tingkatan empat. Kesemua sampel merupakan pelajar perempuan kerana sekolah tersebut merupakan sekolah beraliran agama khusus untuk gender perempuan. Pelajar dipilih secara rawak melibatkan dua aliran iaitu sains dan sastera ikhtisas.

Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan ujian pra dan ujian pasca program *Jawlah Lughawiyyah*. Rajah 2 berikut menjelaskan kerangka prosedur kajian.



*Rajah 2. Kerangka prosedur kajian*

Selepas melakukan pemilihan sampel secara rawak, kesemua sampel akan menduduki pra ujian iaitu selama satu jam untuk menilai tahap pencapaian awal penulisan karangan mereka. Tajuk karangan adalah berkenaan dengan lawatan sambil belajar atau *rihlah ilmiyyah*.

Selepas melaksanakan ujian pra, sampel akan mengikuti lawatan sambil belajar ke Muzium Negeri Terengganu. Tempoh masa antara ujian pra dan lawatan sambil belajar adalah selama seminggu. Semua langkah yang bermula selepas pemilihan pelajar sehingga sebelum pelaksanaan ujian pasca termasuk dalam program *Jawlah Lughawiyyah*. Program *Jawlah Lughawiyyah* mengandungi tujuh langkah berstruktur dan ia perlu dilalui oleh semua sampel yang terlibat dengan kajian ini. Penjelasan secara terperinci mengenai program *Jawlah Lughawiyyah* akan dijelaskan pada bahagian seterusnya dalam kertas kerja ini.

Setelah melalui semua langkah dalam program *Jawlah Lughawiyyah*, sampel kajian akan menjalani ujian pasca selama satu jam. Soalan ujian pasca menghendaki sampel untuk menulis karangan seperti mana yang telah dilakukan semasa ujian pra. Ujian-ujian disemak dan diteliti berdasarkan markah yang dicapai oleh setiap sampel kajian bagi mengenal pasti tahap kemahiran menulis para sampel kajian yang mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah*. Rubrik pemarkahan bagi ujian ini diadaptasi daripada rubrik pemarkahan *Wikispaces (Social Writing for Education)*. Jadual 1 berikut menyatakan rubrik pemarkahan untuk ujian pra dan ujian pasca.

Jadual 1

*Rubrik pemarkahan ujian pra dan ujian pasca*

Tahap	Penerangan	Markah (%)
<b>5 Cemerlang</b>	Menyelesaikan tugas dengan sempurna, dengan kesemua isi disertakan. Susunan idea sangat baik dan teratur. Penggunaan kata hubung yang sangat baik. Kaya dengan penggunaan kosa kata. Penggunaan bahasa yang sangat baik. Kesalahan adalah sangat minimum. Mengikut format penulisan.	81-100
<b>4 Sangat Baik</b>	Semua isi diutarakan dalam perenggan. Susunan idea baik dan teratur. Penggunaan kata hubung yang sesuai. Penggunaan kosa kata yang baik. Penggunaan bahasa yang baik. Mempunyai kesalahan ayat yang sedikit. Mengikut format penulisan yang sesuai.	61-80
<b>3 Baik</b>	Semua isi diutarakan dalam perenggan. Kesemua idea disusun dengan baik. Penggunaan kata hubung yang mudah. Penggunaan kosa kata yang memuaskan. Penggunaan bahasa yang baik. Terdapat sedikit kesalahan pada ayat. Mengikut format penulisan yang boleh diterima.	41-60
<b>2 Sederhana</b>	Isi dan mesej tidak begitu jelas. Memberi kesan yang negatif kepada pembaca. Tidak sertakan beberapa isi yang diperlukan. Terdapat perkara yang kurang sesuai. Penggunaan kosa kata yang terbatas. Terdapat kesalahan dalam ayat yang mengganggu pembaca. Format penulisan yang tidak konsisten.	21-40
<b>1 Lemah</b>	Isi dan mesej tidak jelas. Memberi kesan yang sangat negatif kepada pembaca. Penggunaan kata penghubung yang sangat lemah. Penggunaan kosa kata yang sangat terbatas. Terdapat kesalahan yang berulang dan sukar difahami. Tidak mempunyai format penulisan.	0-20

### **Pengenalan Program *Jawlah Lughawiyyah***

Program *Jawlah Lughawiyyah* merupakan satu program yang menggabungkan beberapa kaedah pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran bahasa Arab. Kaedah seperti perbincangan dalam kumpulan, aktiviti luar bilik darjah, latih tubi secara konsisten, dan pembentangan hasil kerja merupakan antara kaedah pembelajaran yang ditekankan dalam program ini. Program *Jawlah Lughawiyyah* bagi tujuan meningkatkan tahap kemahiran bahasa Arab ini memberi fokus kepada proses peningkatan penguasaan kemahiran berbahasa, khususnya yang melibatkan kemahiran bertutur dan menulis.


*Jawlah Lughawiyyah* merupakan salah satu aktiviti luar bilik darjah berstruktur. Program ini diatur mengikut kepentingan dan keperluan pengajaran dengan mempraktikkan pembelajaran berterusan dalam pemerolehan kemahiran berbahasa dan perbendaharaan kata. Ini bermaksud sistem pembelajaran masa kini tidak hanya tertumpu kepada bentuk pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas. Sebaliknya pelbagai alternatif baru boleh dimanfaatkan dalam usaha memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran selari dengan peredaran zaman.

Penyusunan program dibuat dengan mengambil kira pandangan dan pendekatan yang diketengahkan oleh Bloom, Engelhart, Furst, Hill, dan Krathwohl (1956) pada tahun 1956. Menerusi Taksonomi Bloom dalam mencapai tahap kemahiran dan *outcome* yang selari dengan objektif. Taksonomi bloom merangkumi tiga domain iaitu kognitif, afektif dan motor-psiko. Domain kognitif digunakan untuk menilai kemahiran intelektual menerusi dapatan maklumat, analisis dan menilai maklumat.

Manakala domain afektif digunakan untuk mengukur kemahiran generik, penghayatan dan penggunaan panca indera yang diterapkan melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti dan perbincangan secara berkumpulan seperti pengalaman lawatan, perasaan ketika menyentuh, melihat artifik sejarah dan sebagainya. Seterusnya domain motor-psiko pula bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran praktikal dan teknikal dalam penerapan dapatan ilmu menerusi proses latihan komunikasi, pembentangan, pembinaan kertas kerja, pengajaran dan perkongsian dapatan secara audio dan visual (Aqilah B. Huddin, W. M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain Hafizah Husain & Nor Fadzilah Abdullah, 2005).

Program ini juga menggabungkan pendekatan Pembelajaran Kendiri (*Student Centred Learning*), Pembelajaran Aktif (*Active Learning*) dan Pembelajaran Berkumpulan (*Study Group*) yang digerakkan secara bersama dalam menjalankan program *Jawlah Lughawiyyah*.

Rajah 3 berikut menunjukkan cadangan tujuh langkah bagaimana untuk melaksanakan program *Jawlah Lughawiyyah* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan fokus diberikan untuk meningkatkan dua kemahiran berbahasa para pelajar iaitu kemahiran bertutur (*maharat al-kalam*) dan kemahiran menulis (*maharat al-kitabah*).



Rajah 3. Tujuh langkah dalam program *Jawlah Lughawiyyah*

#### Langkah 1: Penetapan tahap penguasaan bahasa

Pada peringkat awal, pengajar dicadangkan untuk mengadakan satu penilaian awal (ujian pra) sebelum melaksanakan program ini bagi mengukur tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. Tujuan penilaian awal ini dijalankan adalah bagi membantu para pengajar dalam proses pembahagian kumpulan. Pembahagian kumpulan hendaklah seimbang antara pelajar yang pencapaiannya berada pada

tahap tinggi, sederhana dan rendah. Seterusnya penilaian awal juga boleh digunakan untuk melihat peningkatan tahap penguasaan bahasa sebelum dan selepas menyertai program ini. Kemahiran yang diuji dalam program ini adalah kemahiran bertutur dan menulis sahaja. Sebenarnya, Langkah 1 ini turut memberi ruang kepada pengajar untuk mengenali tahap penguasaan setiap pelajar. Pengetahuan sedia ada berkenaan bahasa Arab yang dimiliki oleh para pelajar tidak boleh diabaikan, sebaliknya ia perlu dimanfaatkan agar proses pembelajaran dalam diri setiap pelajar mengalami peningkatan dari semasa ke semasa. Set soalan bagi pra ujian ini perlu memasukkan komponen kandungan pelajaran yang telah dipelajari oleh pelajar sebelum mengikuti kelas semasa. Bagi kumpulan pelajar yang baru pertama kali mengikuti pembelajaran bahasa Arab, soalan berkaitan bacaan al-Quran dan tulisan menggunakan huruf *hija'iyyah* atau jawi adalah relevan untuk dimasukkan dalam set soalan ujian pra.

### **Langkah 2: Ta'aruf dan penerangan mengenai tugasan**

Pada langkah ini, pengajar dicadangkan untuk mengadakan sesi *ta'aruf* (suai kenal) antara ahli kumpulan serta penerangan mengenai tugasan yang akan mereka jalankan. Hal ini bagi membantu pelajar untuk membiasakan diri bersama para ahli kumpulan mereka yang lain. Sesi *ta'aruf* akan dijalankan dengan menggunakan bahasa Arab. Hal ini dapat mengelakkan para pelajar daripada masalah-masalah yang kerap berlaku dalam komunikasi seperti gementar, tiada semangat untuk mencuba, tiada persediaan yang mencukupi, tidak yakin pada diri sendiri, khuatir diketawakan oleh rakan sendiri serta takut untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Dengan cara ini, ia memberi ruang yang selesa serta motivasi kepada para pelajar agar menggunakan bahasa Arab sebagai medium untuk berkomunikasi sesama rakan mereka.

Disebabkan langkah ini merupakan antara langkah permulaan dalam program *Jawlah Lughawiyyah*, pengajar boleh memberi sedikit kelonggaran kepada pelajar yang lemah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Apa yang lebih penting, setiap pelajar berusaha pada tahap yang maksimum untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Mereka tidak berasa rendah diri ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab, malah lebih bersemangat untuk bercakap dalam bahasa Arab dengan pertimbangan kata yang telah sediakala dimiliki. Selain itu, pengajar boleh menyampaikan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan program *Jawlah Lughawiyyah* kepada para pelajar. Sebagai contoh, galakan membawa kamus sepanjang program ini dijalankan perlu diberikan kepada para pelajar. Kamus yang boleh digunakan meliputi kamus bahasa Arab penuh atau dalam bentuk dwi bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu.

### **Langkah 3: Pengumpulan maklumat berkaitan tugasan (aktiviti berkumpulan)**

Pada langkah ini, pelajar akan menjalankan aktiviti luar bilik darjah. Contoh aktiviti yang dijalankan adalah seperti aktiviti lawatan ke muzium, tempat bersejarah, perpustakaan, pusat sains, taman haiwan dan seumpamanya. Pemilihan tempat perlu bersesuaian dengan kandungan sukatan bagi mata pelajaran bahasa Arab. Pemilihan tempat yang tepat akan mendorong para pelajar untuk lebih memahami


seterusnya menghayati perkataan-perkataan yang mereka peroleh dalam situasi sebenar. Tempat-tempat seperti ini menjadi pilihan untuk program *Jawlah Lughawiyyah* kerana terdapat banyak perbendaharaan kata yang boleh diperoleh oleh pelajar sama ada dalam bentuk kata nama (*ism*) atau kata kerja (*f'i'l*). Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan panca indera dalam situasi tertentu di luar ruang bilik darjah memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dalam proses pemerolehan perbendaharaan kata. Dengan perbendaharaan kata yang mencukupi, ia akan dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa terutama kemahiran bertutur dan menulis.

Perbendaharaan kata yang diperoleh oleh pelajar terbahagi kepada dua kategori: 1) perbendaharaan kata umum, 2) perbendaharaan kata khusus. Perbendaharaan kata umum merujuk kepada perkataan-perkataan yang boleh digunakan pada pelbagai tempat dan situasi. Contohnya perkataan (*dzahaba*) yang membawa maksud "telah pergi". Perkataan ini boleh diperoleh dan digunakan tanpa batasan tempat tertentu. Manakala perbendaharaan kata khusus pula merujuk kepada perkataan yang biasanya terdapat pada tempat tertentu sahaja. Contohnya perkataan (*athar tarikhiiyah*) yang membawa maksud "kesan-kesan sejarah". Perkataan ini hanya boleh diperoleh dan digunakan pada tempat-tempat tertentu sahaja seperti muzium. Bagi memperoleh perbendaharaan kata khusus inilah, peranan guru amat penting dalam memilih tempat yang menepati kandungan sukatan mata pelajaran. Pengajar dicadangkan membahagikan tugas dalam bentuk kumpulan dengan tidak meletakkan pelajar dari tahap yang sama. Aktiviti seperti ini dicadangkan agar pelajar lemah boleh belajar daripada pelajar yang cemerlang di samping memperkuuhkan kemahiran pelajar cemerlang melalui perkongsian ilmu sesama rakan. Pelajar dikehendaki mengumpul maklumat yang boleh didapati daripada pemerhatian, pembacaan, penghayatan, sentuhan, pendengaran dan lain-lain ketika aktiviti ini dijalankan di tempat-tempat yang telah ditetapkan. Setiap kumpulan akan ditempatkan di bahagian-bahagian tertentu dalam tempat yang dipilih bagi menjalankan program *Jawlah Lughawiyyah*. Setiap dapatan yang dikumpulkan perlu dicatatkan dalam bahasa Arab. Pada ketika ini penggunaan kamus sangat membantu para pelajar. Seterusnya, semua perkataan yang diperoleh akan dikongsikan dalam kumpulan masing-masing. Dalam aktiviti ini, pelajar disarankan untuk membawa bersama mereka kamus dan buku catatan bagi melancarkan perjalanan program pada langkah ini.

#### **Langkah 4: Perkongsian maklumat yang diperoleh daripada tugas (aktiviti kumpulan)**

Proses yang dicadangkan pada langkah ini berfokus kepada perkongsian maklumat yang diperoleh melalui Langkah 3 dengan rakan-rakan daripada kumpulan lain yang dibentuk dalam program *Jawlah Lughawiyyah*. Dengan kata lain, pada langkah ini, aktiviti yang dijalankan bermula dengan penggabungan ahli setiap kumpulan dalam kumpulan baru. Ini bermakna setiap kumpulan baru yang dibentuk mempunyai wakil daripada setiap kumpulan asal iaitu kumpulan semasa melakukan Langkah 3 sebelum ini. Selanjutnya, setiap wakil dalam kumpulan baru tersebut dikehendaki


berkongsi maklumat terkumpul daripada kumpulan masing-masing. Perkongsian maklumat ini dijalankan dengan menggunakan bahasa Arab. Sepertimana yang sedia dimaklumi, maklumat yang dimaksudkan adalah merujuk kepada perbendaharaan kata atau *mufradat* yang diperoleh semasa melakukan Langkah 3. Rajah 4 menunjukkan proses pembentukan kumpulan baru yang terdiri daripada wakil setiap kumpulan asal.



Rajah 4. Pembahagian kumpulan baru

#### **Langkah 5: Bengkel / diskusi maklumat dikumpul (aktiviti individu)**

Selepas menjalani Langkah 4, semua pelajar dikehendaki kembali kepada kumpulan asal masing-masing. Mereka kemudiannya dikehendaki untuk berkongsi maklumat yang diperoleh semasa perkongsian dalam kumpulan baru. Ini bermakna setiap pelajar akan memperoleh maklumat yang sama. Namun, pada tahap ini persamaan dan perbezaan maklumat mungkin akan berlaku kerana masing-masing memperoleh maklumat daripada sumber yang berbeza. Menjadi tugas para pengajar untuk menjadi moderator dalam proses penyelarasan maklumat bagi setiap kumpulan. Di sinilah letaknya peranan pengajar yang akan menjadi orang tengah dalam sebarang percanggahan maklumat dalam kalangan pelajar dalam kumpulan masing-masing. Pada Langkah 5 ini, dijangkakan proses perbincangan atau diskusi dalam kalangan ahli kumpulan akan menjadi lebih aktif. Setiap pelajar akan mempersemprehankan input yang diperoleh semasa berada dalam kumpulan baru pada Langkah 4. Sepanjang Langkah 5 ini berlangsung, pendapat dan perkongsian perlu dicatat oleh setiap ahli dan dianalisis untuk memperoleh maklumat yang paling tepat dan juga untuk tujuan penyelarasan maklumat. Rajah 5 menunjukkan proses penyatuan semula para pelajar dalam kumpulan asal masing-masing.



Rajah 5. Penyatuan kumpulan asal

#### **Langkah 6: Penulisan karangan berkaitan maklumat terkumpul (aktiviti individu)**

Pada langkah ini, pengajar dikehendaki untuk memastikan setiap pelajar menulis maklumat yang terkumpul sepanjang program *Jawlah Lughawiyyah* iaitu melibatkan langkah-langkah sebelum ini. Pengumpulan maklumat ini dibuat dalam bentuk karangan atau kertas kerja. Aktiviti ini dilaksanakan secara individu bagi membolehkan pengukuran tahap peningkatan kemahiran pelajar secara individu. Penulisan ini bertujuan untuk mengukur kefahaman pelajar terhadap daptan pemerhatian dan dianalisis secara kendiri (ujian pasca-menulis). Sebenarnya, Langkah 6 memberi fokus kepada proses peningkatan kemahiran menulis. Setiap pelajar dikehendaki menulis karangan atau kertas kerja dengan memanfaatkan perbendaharaan kata yang diperoleh sepanjang program *Jawlah Lughawiyyah* ini dijalankan. Para pelajar masih boleh menggunakan bantuan kamus semasa menyelesaikan tugas pada langkah ini. Dicadangkan kepada pengajar agar tidak mengehadkan jumlah perkataan yang boleh digunakan oleh para pelajar dalam menyelesaikan tugas mereka pada langkah ini. Para pelajar bebas memanfaatkan seberapa banyak perbendaharaan kata yang mereka telah peroleh sepanjang program *Jawlah Lughawiyyah* ini.

#### **Langkah 7: Seminar Bahasa yang melibatkan pembentangan keseluruhan aktiviti Jawlah Lughawiyyah**

Pada langkah akhir ini, akan diadakan seminar bahasa yang melibatkan pembentangan hasil daptan para pelajar sepanjang enam langkah yang mereka ikuti sebelum ini. Sesi pembentangan dijalankan secara berkumpulan. Pelajar diminta membentangkan hasil daptan aktiviti mereka secara lisan dengan menggunakan perbendaharaan kata yang diperoleh sepanjang program *Jawlah Lughawiyyah* ini berlangsung. Para pelajar juga dikehendaki untuk menyediakan bahan pembentangan yang mengandungi ayat atau karangan berkaitan topik pembentangan. Dari sini, dua kemahiran berbahasa Arab iaitu kemahiran bertutur dan menulis dapat dinilai bagi mengetahui tahap peningkatan dua kemahiran ini dalam diri pelajar.

Demikian dijelaskan secara terperinci perjalanan setiap langkah dalam program *Jawlah Lughawiyyah*. Sebenarnya, perincian berkenaan langkah-langkah ini tidak bersifat rigid sebaliknya ia bersifat fleksibel. Para pengajar boleh melakukan sebarang penambahbaikan yang wajar dan bersesuaian dengan tahap pelajar dan kandungan sukatan mata pelajaran. Berkenaan dengan tempoh masa bagi menjalankan setiap langkah-langkah tersebut, ia ditetapkan atas kesesuaian dan tahap para pelajar yang mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah*. Begitu juga dengan sistem pemarkahan bagi menilai setiap hasil kerja para pelajar sama ada dalam bentuk individu mahupun kumpulan, ia terletak kepada kesesuaian yang akan ditentukan oleh para pengajar subjek bahasa Arab. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya pemberian markah atau proses penilaian tertentu bagi setiap hasil kerja yang berjaya disiapkan oleh para pelajar akan memberi satu motivasi tambahan kepada mereka, bukan sahaja untuk terus mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah* tetapi juga untuk mendalami bahasa Arab.

### **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Seramai lima belas orang responden daripada pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu telah mengikuti aktiviti *Jawlah Lughawiyyah*. Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi pelajar dalam kajian ini. Kesemua sampel merupakan pelajar perempuan kerana sekolah tersebut merupakan sekolah beraliran agama khusus untuk gender perempuan.

**Jadual 2**

*Maklumat demografi responden kajian*

Aliran	Bilangan Pelajar
Sains	7
Sastera Ikhtisas	8
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>

Data dalam ujian pra dan ujian pasca dianalisis berdasarkan rubrik pemarkahan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Antara komponen utama yang diambil kira ketika proses pemarkahan ini adalah idea, perbendaharaan kata, gaya bahasa, tatabahasa dan format penulisan. Data ujian pra menunjukkan bahawa tiada seorang pelajar yang mendapat tahap “cemerlang” dan “sangat baik”. Data menunjukkan hanya dua orang pelajar mencapai tahap “baik”, lapan orang pelajar mendapat tahap “sederhana” dan baki lima orang pelajar mendapat tahap “lemah”. Manakala bagi ujian pasca pula, data menunjukkan tiada seorang pelajar yang mendapat tahap “cemerlang” dan “lemah”, tujuh orang pelajar memperoleh tahap “sangat baik” dan “baik”, dan hanya seorang pelajar sahaja yang mendapat tahap “sederhana”. Peningkatan prestasi pelajar bagi kemahiran menulis dapat dilihat apabila tiada seorang pelajar yang mendapat tahap “lemah” dalam ujian pasca. Jadual 3 menunjukkan bilangan pelajar serta tahap yang dicapai oleh mereka dalam ujian pra dan ujian pasca.

**Jadual 3**

*Bilangan pelajar ujian pra dan ujian pasca*

Markah	Tahap	Bilangan Pelajar	
		Ujian Pra	Ujian Pasca
81-100	Cemerlang	-	-
61-80	Sangat Baik	-	7
41-60	Baik	2	7
21-40	Sederhana	8	1
0-20	Lemah	5	-
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>15</b>

Analisis data ujian pra dan ujian pasca dalam kajian ini mendapati bahawa terdapat peningkatan kepada semua pelajar yang telah mengikuti aktiviti *Jawlah Lughawiyyah*. Jadual 4 menunjukkan peningkatan markah yang diperoleh oleh setiap sampel kajian yang melibatkan keputusan ujian pra dan ujian pasca. Peratus

peningkatan markah ini dikira berdasarkan jumlah perbezaan markah antara markah ujian pasca dan ujian pra.

**Jadual 4**  
*Peningkatan markah antara ujian pra dan pasca*

Bil. Pelajar	Markah		Peningkatan	
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Markah (Pra-Pasca)	Peratus (%)
1	35	75	40	114.3
2	40	75	35	87.5
3	35	70	35	100
4	40	75	35	87.5
5	45	65	20	44.4
6	35	65	30	85.7
7	20	45	25	125
8	30	45	15	50
9	20	40	20	100
10	20	55	35	175
11	25	55	30	120
12	30	60	30	100
13	60	70	10	16.7
14	20	45	25	125
15	20	55	35	175

Berdasarkan Jadual 4, peningkatan markah yang paling ketara melibatkan pelajar nombor 10 dan nombor 15, peningkatan markah mereka dari 20 markah ke 55 markah iaitu sebanyak 35 markah atau 175%. Manakala peningkatan markah yang paling minimum adalah bagi pelajar nombor 13, peningkatan dari 60 markah ke 70 markah iaitu sebanyak 10 markah sahaja atau hanya 16.7%. Jika diperhatikan pada pelajar nombor 9, peningkatan markah dari 20 markah ke 40 markah atau 100%. Walaupun peratus peningkatannya lebih tinggi berbanding pelajar nombor 13, akan tetapi pelajar nombor 9 hanya memperoleh tahap “sederhana” berbanding pelajar nombor 13 yang mendapat tahap “sangat baik” dalam ujian pasca. Majoriti pelajar menunjukkan peningkatan melebihi 100% dalam ujian pasca.

Daripada Jadual 3 dan Jadual 4, disimpulkan bahawa program *Jawlah Lughawiyyah* dapat meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata dalam bahasa yang dipelajari. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan markah ujian pasca dalam kajian ini. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah pemanfaatan kepelbagai aktiviti yang berpusat kepada pelajar di dalam program *Jawlah Lughawiyyah* seperti perbincangan dalam kumpulan, perkongsian maklumat sesama rakan dan diakhiri dengan pembentangan hasil pemerhatian mereka sepanjang mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah*. Aktiviti-aktiviti ini memberi kesan terhadap pertambahan jumlah perbendaharaan kata, seterusnya dapat membantu pelajar membina ayat-ayat dalam penulisan karangan.

Manakala faktor yang menyebabkan tiada seorang daripada pelajar yang mendapat tahap “cemerlang” dalam ujian pasca antaranya adalah faktor waktu

pelaksanaan program *Jawlah Lughawiyyah* yang terhad. Keterbatasan waktu program yang terhad memberi kesan terhadap proses pemerolehan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana mempelajari perbendaharaan kata atau kosa kata memerlukan waktu yang mencukupi (Yang & Dai, 2011). Di samping itu, proses pembelajaran perlu berterusan bagi meningkatkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan akademik (Rasidah Rashid, 2007). Justeru, para guru disarankan untuk melaksanakan aktiviti luar bilik darjah secara konsisten mengikut kesesuaian tempat dan kandungan pelajaran bagi membantu pelajar meningkatkan jumlah perbendaharaan kata mereka. Aktiviti luar bilik darjah sepetimana yang dicadangkan dalam program *Jawlah Lughawiyyah* ini tidak semestinya dilaksanakan di luar kawasan sekolah. Pemanfaatan kawasan sekitar sekolah juga dilihat sebagai satu usaha terbaik bagi menambah jumlah pemerolehan perbendaharaan kata yang akan membantu pelajar dalam meningkatkan tahap kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran menulis.

### **Penutup**

Program *Jawlah Lughawiyyah* merupakan satu medium alternatif kepada para pendidik khususnya yang terlibat dalam pengajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Program ini dilihat mampu untuk meningkatkan tahap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Pemerolehan kosa kata baru sepanjang mengikuti program *Jawlah Lughawiyyah* telah dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Aktiviti yang terkandung dalam program *Jawlah Lughawiyyah* seperti pemerhatian menggunakan panca indera, perbincangan dalam kumpulan, perkongsian maklumat sesama rakan, pembentangan hasil pemerhatian dan penulisan karangan merupakan komponen yang saling melengkapi dalam pemerolehan perbendaharaan kata baru yang boleh dimanfaatkan dalam meningkatkan tahap kemahiran menulis bagi para pelajar.

Sepetimana yang telah dijelaskan bahawa program *Jawlah Lughawiyyah* bukan satu bentuk program pendidikan bahasa yang baru secara total, sebaliknya ia merupakan satu program yang menggabungkan beberapa aktiviti berpusatkan pelajar. Program ini disusun secara berstruktur agar dapat dijalankan dengan sistematik dan dilakukan penilaian bagi mengenal pasti tahap kemahiran bahasa yang menjadi tumpuan iaitu kemahiran bertutur dan menulis. Berdasarkan kajian ini, diharapkan ia membuka ruang yang lebih luas untuk diterokai oleh para penyelidik khususnya yang terlibat dalam pendidikan bahasa Arab dengan fokus utama melibatkan usaha meningkatkan tahap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

### **Penghargaan**

Kajian mengenai program *Jawlah Lughawiyyah* ini dijalankan dengan memanfaatkan dana Geran Penyelidikan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kod geran: UniSZA/12/GU (016). Para penyelidik merakamkan penghargaan kepada pihak UniSZA khususnya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) di atas kelulusan menjalankan kajian ini.

## Rujukan

- Aqilah B. Huddin, W. M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain Hafizah Husain & Nor Fadzilah Abdullah. (2005). *Perlaksanaan penggunaan Taksonomi Bloom bagi mengukur kesesuaian tahap dan menjamin keberkesanan outcome kursus*. Universiti Kebangsaan Malaysia (atas talian) [www.ukm.my/p3k/images/sppb08/b/1.pdf](http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/b/1.pdf) (31 Oktober 2013).
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 645-666.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 325-337.
- Bloom, B. S., Engelhart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals*. New York: David McKay.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzillah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- FCE for ENSTBB, *FCE Writing – Scale*. Dicapai pada 2 Disember 2013. <http://fceforenstbb.wikispaces.com/FCE+Writing+-+Scale>
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.
- Hassan Shahatah. (1993). *Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah bayn al-nazariyyah wa al-tatbiq*. Kaherah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Hisham Khuddaj. (2007). *Al-Rihlat al-madrasiyah al-taw'amah bayn al-tarifiyah wa al-ifadah al-tarbawiyah*, *Al-Majallah al-Tarbawiyah*, 41/Tishrin Awwal, Suriyyah: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim.
- Hyslop, N. & Tone, B. (1988). *Listening: Are we teaching it, and if so, how*. ERIC Digest 3 (atas talian) <http://eric.ed.gov/?id=ED295132> (30 Oktober 2013).
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan reality penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- Jasmi Amin. (2002). *Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dari sudut pembacaan dan penulisan: Satu kajian terhadap murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru*. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). *Keterampilan bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ali Al-Madkur. (1991). *Tadris funun al-Lughah al-'Arabiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Syawaf.
- Mohd Feham Ghalib & Mohd Firdaus Yahaya. (2011, Nov 23-24). *Evaluating the use of e-portfolio as an alternative assessment tool for students majoring Arabic and Islamic Studies: Some experiences from International Islamic University*

- Malaysia.* Prosiding Seminar Bahasa & Pendidikan (LEC 2011), Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Rasidah Rashid. (2007). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah.* Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.* Shah Alam, Malaysia: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Yah Awang Nik, Badariah Sani, Muhamad Noor Wan Chik, Kamaruzaman Jusoff & Hasif Rafidee Hasbollah. (2010). The writing performance of undergraduates in the University of Technology Mara, Terengganu, Malaysia. *Journal of Languages and Culture*, 1(1), 8-14.
- Yang, W., & Dai, W. (2011). Rote memorization of vocabulary and vocabulary development. *English Language Teaching*, 4(4), 61-64.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 67-82.